

Dadah RM7.9j dirampas



Noor Rashid (dua, kiri) bersama pegawai penyiasat menunjukkan pil eramin 5 yang dirampas ketika serbuan di Puchong.

Sinar 2/8/12 MS 14

NORAIZURA AHMAD

KUALA LUMPUR - Polis berjaya merampas pil khayal eramin 5 bernilai RM7.9 juta dalam serbuan di sebuah rumah kedai di Taman Damai Utama, Puchong, petang kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira jam 3 petang itu, polis menemui 20 kotak yang mengandungi 395,000 biji pil eramin 5 dalam rumah tersebut yang dijadikan tempat simpanan sebelum diagihkan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim

berkata, ketika serbuan, rumah tersebut kosong dan tiada tangkapan dibuat.

"Kita akan mengenal pasti pemilik rumah dan mereka yang terbabit dalam sindiket ini," katanya pada sidang media di Bukit Aman di sini, semalam.

Menurutnya, kes disiasat di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952.

Noor Rashid berkata, sejak awal tahun hingga Jun ini, polis berjaya merampas 4,115,694 biji pil dadah eramin 5 termasuk membongkar sebuah makmal memproses dadah di Klang, Selangor dengan nilai

rampasan RM80 juta.

Menurutnya, tahun ini menunjukkan peningkatan penyeludupan dadah berbanding tahun sebelumnya iaitu 87,012 biji (2011) dan 2,016,183 biji (2010).

"Siasatan mendapati kebanyakan dadah dibawa masuk menggunakan laluan laut dari luar negara.

"Kita akan terus berusaha untuk mengesan dan menangani penyeludupan dadah ke dalam negara ini," katanya.

Menurutnya, dadah tersebut menjadi trend utama kini disebabkan permintaan tinggi daripada orang ramai.